



NOTIS SEBUTHARGA

1. Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Majlis Daerah Maran dengan Gred, kategori dan pengkhususan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut :-

No. Sebutharga	Butir-butir Tawaran	Syarat Pendaftaran	Tarikh Dan Tempat Lawat Tapak	Harga Dokumen Sebutharga	Tarikh Pembelian
MDM / SH / 11/ 2026	Program Bandar Selamat : Inisiatif Pemutihan Kawasan Blackspot Di Bandar Maran, Maran, Pahang Darul Makmur.	Gred G2 Kategori Awam, Pengkhususan : CE21 (pembinaan kejuruteraan awam)	13.04.2026 (Isnin) Jam 3:00 petang Berkumpul di Arena Y.A.M Tengku Muda Pahang, Maran Sesi lawatan tapak ini diwajibkan.	RM50.00 (Tunai/ Debit Kad/ Cek/ Wang Pos/ Kiriman Wang Pos/ Bank Deraf) Atas nama Yang Dipertua Majlis Daerah Maran	13.04.2026 (Isnin) hingga 17.04.2026 (Jumaat) 8:30 pagi hingga 4:30 petang di Jabatan Kejuruteraan, Majlis Daerah Maran.

2. Dokumen Sebutharga akan dikeluarkan kepada **Kontraktor yang sah** dibenarkan membuat pembelian sebutharga. Bagi maksud ini kontraktor hendaklah mendaftarkan Lesen Kontraktor dengan Majlis Daerah Maran bagi Tahun 2026 dengan mengemukakan **Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)** daripada CIDB, **Salinan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SSPK)** daripada CIDB, **Salinan Sijil Taraf Bumiputera (STB)** daripada PPK dengan Gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta masih dalam tempoh yang sah. Pihak kontraktor juga perlu mengemukakan **Salinan Perakuan Pendaftaran Perniagaan** daripada SSM yang masih dalam tempoh sah, **Salinan Sijil Pematuhan Cukai (TCC)** daripada LHDN dengan status PATUH serta mendaftarkan Lesen Perniagaan dengan Majlis Daerah Maran dan mengemukakan **salinan resit pembayaran (bil lesen)** bersama-sama dokumen sebutharga yang dikemukakan.
3. Kontraktor juga hendaklah mengemukakan **penyata bank 3 bulan semasa** bersama-sama dokumen sebutharga bagi tujuan penilaian modal kewangan mengikut Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (P.K. 2.9) semasa.
4. Kontraktor hendaklah mengambil inisiatif sendiri untuk melawat tapak, pembelian serta penyerahan dokumen sebutharga. Jabatan ini tidak bertanggungjawab di atas sebarang urusan pergerakan kontraktor. Dokumen Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebutharga di Jabatan Kejuruteraan Majlis Daerah Maran pada **20 April 2026 (Isnin) selewat-lewatnya jam 12:00 tengahari**. Pihak Majlis tidak akan menerima dokumen sebutharga yang lewat daripada tempoh yang ditetapkan. Majlis Daerah Maran juga tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

" TELITI PASTI BERKUALITI "

Saya yang menjalankan amanah,

Muhamad Anwarudin bin Mohd Yusoff @ Ahmat, AMP.

YANG DIPERTUA

Majlis Daerah Maran

Tarikh : 02 April 2026